

21 JAN 1998

Megat-Gas

HARGA GAS MEMASAK YANG DITETAPKAN HARGA DI KEDAI, MEGAT JUNID

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini menjelaskan bahawa harga gas memasak yang ditetapkan kerajaan adalah harga di kedai.

Beliau berkata harga yang ditetapkan itu tidak termasuk khidmat penghantaran ke rumah pengguna.

Pengguna mempunyai pilihan untuk tidak membayar upah perkhidmatan menghantar sekiranya mereka sanggup memikul sendiri tong gas berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kabinet di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut Persatuan Pengguna Perak memfailkan permohonan sebelah pihak di Mahkamah Tinggi di Ipoh semalam bagi memohon perintah mandamus, meminta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menguatkuasakan kawalan harga terhadap gas memasak.

Dalam permohonan yang dibuat Presidennya Abdul Rahman Said Alli, ia menyatakan undang-undang itu sepatutnya dikuatkuasakan terhadap pembekal gas memasak kerana mereka mengenakan harga yang lebih daripada harga yang ditetapkan kerajaan.

Permohonan itu dibuat kerana gas memasak disenaraikan sebagai barangan kawalan mengikut Akta Kawalan dan Bekalan 1961 dan perubahan harga bergantung kepada kebenaran kerajaan.

Harga gas memasak bagi kegunaan rumah ialah RM14.40 bagi 12kg dan RM15.75 bagi 14kg.

Megat Junid berkata mereka membuat kesilapan dengan menyatakan harga selepas dihantar adalah sama dengan yang ditetapkan.

Mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa rakyat terpaksa bersedia untuk membayar lebih bagi barangan perlu, beliau berkata ada pihak yang akan menanggung kerugian jika tidak dibuat demikian.

Bagaimanapun, beliau berkata kementerian terpaksa menjalankan kajian daripada semua sudut termasuk pengeluar, pemborong dan pengguna bagi memastikan tiada pihak yang rugi dalam keadaan ekonomi sekarang.

"Kita tidak mahu ada pihak yang menangis dan ada pihak yang ketawa dalam keadaan ekonomi kini .. misalnya penternak ayam kini yang terpaksa mengganggu kerugian kerana kos yang tinggi.. sanggupkah kita makan ayam di atas kerugian orang lain," katanya.

Beliau berkata buat masa ini kementerian hanya akan mengenalpasti jenis barangan import, pengimport dan dari mana barangan itu untuk dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang akan bersidang esok.

Sebelum itu Megat Junid berkata kementerian memutuskan untuk melaksanakan sistem khidmat layan diri di stesen-stesen minyak di beberapa kawasan di tujuh negeri bagi tahun ini selepas kejayaan sistem itu di Lembah Klang.

Sistem itu akan dilaksanakan di Johor Baharu dan Langkawi pada 15 April ini, Ipoh (kawasan Mjlis Bandaraya Ipoh) dan Georgetown, Pulau Pinang (1 Jun), Majlis Perbandaran Kuantan dan Majlis Perbandaran Seremban (1 Sept) dan Majlis Perbandaran Melaka (1 Nov).

-- BERNAMA

NHD AKD